SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2022 Pengajian Perniagaan Sem 1 Pahang

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Bahagian A [*50 markah*]

Jawab **semua** *soalan*.

1. Nyatakan **empat** tujuan penggubalan undang-undang dan peraturan ke atas sesebuah perniagaan. [4]

2. Huraikan perbezaan di antara barangan pengguna dan barangan indusri. [4]

3. Huraikan **tiga** jenis susun atur proses pengeluaran. [6]

4. Berikan **empat** alat/kaedah kawalan inventori. [4]

5. Huraikan **tiga** langkah terawal dalam proses pemasaran. [6]

6. Huraikan **dua** aspek faktor psikologi yang mempengaruhi keputusan pembelian pengguna. . [4]

7. Huraikan **tiga** perbezaan antara objektif memaksimumkan kekayaan pemegang saham dan memaksimumkan keuntungan syarikat. [6]

8. Senaraikan **empat** jenis sumber dana jangka masa panjang. [4]

9. Huraikan proses perancangan sumber manusia dalam sesebuah organisasi perniagaan.. [6]

10. Huraikan jenis-jenis latihan berikut :
    a) Pembelajaran kendiri [2]
    b) Latihan perantisan [2]
    c) Simulasi [2]

Bahagian B [*50 markah*]

Baca kajian kes di bawah dan jawab soalan yang mengikutinya.

11. COVID-19: Pekerja, majikan perlu patuhi Akta Kerja 1955

Majikan yang gagal mematuhi garis panduan dalam pengendalian isu berhubung penularan COVID-19 di tempat kerja, khususnya membabitkan perintah kuarantin, cuti sakit dan pemberhentian kerja boleh dikenakan hukuman mengikut Akta Kerja 1955. Berdasarkan Seksyen 60F, majikan perlu memberikan cuti sakit bergaji atau kelayakan hospitalisasi sepanjang tempoh rawatan di hospital bagi pesakit yang disahkan mempunyai simptom jangkitan COVID-19. "Pekerja yang diberi arahan kuarantin melebihi tempoh kelayakan cuti sakit atau hospitalisasi, hendaklah diberikan kemudahan bayaran tambahan, selain diarahkan segera mendapatkan pemeriksaan kesihatan atas pembiayaan majikan. "Tempoh kelayakan cuti sakit bergaji dalam setahun adalah 14 hari jika tempoh bekerja kurang dua tahun, 18 hari jika bekerja antara dua hingga lima tahun dan 22 hari jika tempoh bekerja melebihi lima tahun.

Mengikut Seksyen 60E (1B) pula, pekerja yang diberi perintah kuarantin atau perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah, tidak boleh dipaksa menggunakan cuti tahunan sepanjang tempoh berkenaan. Kementerian menegaskan, majikan juga tidak boleh melarang pekerja datang bekerja tanpa perintah kuarantin atau perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah yang dikeluarkan pengamal perubatan berdaftar. "Bagaimanapun, majikan boleh mengarahkan mana-mana pekerja yang tidak sihat untuk tidak hadir bekerja dan membenarkan cuti bergaji dibayar kepada pekerja itu, " katanya.

Majikan juga boleh mengambil langkah sewajarnya untuk mengelakkan pemberhentian pekerja disebabkan COVID-19 seperti disyorkan tatacara untuk keharmonian perusahaan, iaitu mengehadkan kerja lebih masa dan mengurangkan hari bekerja dalam seminggu atau mengurangkan bilangan kerja seminggu. "Selain itu, majikan juga boleh mengurangkan waktu bekerja harian, melaksanakan pemberhentian kerja sementara, misalnya dalam bentuk penutupan sementara dengan menawarkan gaji berpatutan dan membantu mereka mendapatkan kerja sementara di tempat lain sehingga operasi dapat diteruskan semula.

"Langkah terakhir yang boleh dilaksanakan selepas tindakan penjimatan kos lain sudah dilaksanakan ialah dengan mengurangkan gaji pekerja yang dibuat secara adil di semua peringkat, " katanya. Kementerian juga meminta majikan merujuk garis panduan pengurusan pemberhentian pekerja yang boleh diperolehi di laman sesawang Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) sekiranya perlu mengurangkan tenaga kerja akibat kemerosotan dalam perniagaan. "Majikan dikehendaki menggunakan Borang Pemberhentian (PK) bagi tujuan melapor pemberhentian kepada JTK terdekat sekurang-kurangnya 30 hari sebelum mengambil tindakan pemberhentian pekerja termasuk secara sukarela, sementara atau pengurangan gaji.

Berdasarkan kes,

(i) jelaskan faedah yang boleh diberikan oleh majikan kepada pekerja yang berhadapan dengan penularan Covid 19 . [10]

(ii) huraikan penentuan pampasan yang boleh diikuti oleh majikan untuk diberikan kepada pekerja yang berhadapan dengan gejala Covid 19. [10]

(iii) terangkan penjimatan kos yang boleh dijalankan oleh majikan bagi mengelakkan pemberhentian pekerja akibat penularan Covid 19. [10]

Jawab **satu** *soalan sahaja,*

12. Dengan melakarkan gambarajah, terangkan proses pengeluaran yang digunakan untuk menghasilkan sesuatu keluaran dalam organisasi. [20]

13. Terangkan langkah-langkah dalam proses penyelidikan pemasaran . [20]

SKEMA JAWAPAN

Bahagian A [*50 markah*]

1. Nyatakan **empat** tujuan penggubalan undang-undang dan peraturan ke atas sesebuah perniagaan. [4]

Empat tujuan penggubalan undang-undang dan peraturan ke atas sesebuah perniagaan adalah untuk :

i) mewujudkan persaingan perniagaan yang sihat. [1m]
ii) melindungi kepentingan pengguna dan pengeluar. [1m]
iii) Mengelak penyelewengan oleh peniaga. [1m]
iv) melindungi alam sekitar. [1m]

(4F x 1m = 4m)

2. Jelaskan perbezaan di antara barangan pengguna dan barangan industri. [4]

Perbezaan di antara barangan pengguna dan barangan industri ialah :

Aspek / Dimensi	**Barangan pengguna**	**Barangan industri**
Takrif	Melibatkan proses pengeluaran barang-barang untuk kegunaan pengguna akhir.[1m]	Melibatkan pengeluar barangan menjual keluarannya kepada pengeluar lain, /akan memproses keluaran tersebut atau menambah nilai keluaran tersebut untuk dijual semula/menghasilkan produk lain untuk dijual. [1m]
Tujuan	Barangan yang dibeli oleh pengguna untuk kegunaan sendiri, keluarga atau organisasi bukan untuk tujuan perniagaan.[1m]	Barangan yang dibeli bertujuan untuk dijual semula untuk menghasilkan barangan baharu atau barangan yang dibeli untuk membantu operasi perniagaan.[1m]
Contoh	Beras, gula dan minyak untuk kegunaan di rumah sendiri.[1m]	Beras, gula dan minyak untuk kegunaan restoran.[1m]

Mana-mana **dua perbezaan yang setara + dua contoh yang sesuai (wajib dinyatakan)**

(2F + 2C = 4m)

3. Huraikan **tiga** jenis susun atur proses pengeluaran. [6]

Tiga jenis susun atur proses pengeluaran ialah :

i) Susun atur tetap [1m]
- Kedudukan produk ditetapkan. Input seperti buruh, bahan mentah, mesin dan peralatan akan dibawa ke lokasi produk.[1m]
- Kos adalah tinggi untuk menghasilkan suatu produk. [1m]
- Produk yangdihasilkan biasanya mengikut spesifikasi produk yang ditetapkan oleh pelanggan.[1m]
- Proses pengeluaran kekal di satu lokasi sehingga produk tersebut siap.[1m]
- Sesuai untuk pengeluaran produk bersaiz besar, berat dan mudah pecah.[1m]
- Contoh: pembinaan jambatan, lapangan terbang, empangan dan mana-mana contoh yang sesuai.[1m]

ii) Susun atur proses [1m]
- Mesin dan peralatan, tenaga kerja dan bahan mentah yang sama fungsi akan dikumpulkan dalam jabatan tertentu atau disusun mengikut fungsi kerja.[1m]
- Sesuai bagi pengeluaran produk yang seragam dan berbeza mengikut kuantiti keluaran.[1m]
- Pengeluaran adalah dalam kumpulan atau kelompok kecil.[1m]
- Pelanggan adalah berbeza mengikut keperluan perkhidmatan yang diingini.[1m]
- Berlaku perkongsian sumber iaitu semua sumber akan digunakan secara bersama oleh pekerja yang berbeza. [1m]
- Contoh : Perkhidmatan hospital, pasar raya, bank dan bengkel membaiki kereta. [1m]

iii) Susun atur produk[1m]
- Semua input pengeluaran seperti tenaga kerja, mesin, bahan mentah dan peralatan disusun khusus mengikut urutan penghasilan sesuatu produk.[1m]
- Pengeluaran melibatkan penghasilan produk yang seragam dan dalam volum kuantiti yang banyak.[1m]
- Sesuai untuk pengeluaran secara berulangan dan penghasilan produk yang seragam berdasarkan standard yang ditetapkan oleh pihak pengurusan.[1m]
- Contoh : Kilang pemasangan kereta, barangan elektronik, pengeluaran kasut dan pemasangan komputer.[1m]

iv) Susun atur selular [1m]
- Pendekatan yang membantu membina pelbagai produk dengan hanya menggunakan bahan dan alatan yang sedikit.[1m]
- Melibatkan kombinasi susun atur produk dan proses.[1m]
- Melibatkan produk yang memerlukan banyak gabungan komponen.[1]
- Contoh : Pembuatan cip komputer, pengeluaran telefon bimbit, klinik pergigian, bilik bedah dll.[1m]

Mana-mana **3 fakta pertama sahaja diterima.(3F + 3H/3C = 6m)**

4. Berikan **empat** alat/kaedah kawalan inventori. [4]

Empat alat/kaedah kawalan inventori ialah :
i) Analisis ABC[1m]
ii) Kuantiti Pesanan Ekonomi / *EOQ (Economic Order Quantity)*[1m]
iii) Titik Pesanan Semula*/ROP (Reorder point)*[1m]
iv) Kaedah Tepat Pada Masa / *JIT (Just-In-Time)*[1m]

(4F x 1m = 4m)

5. Huraikan **tiga** langkah terawal dalam proses pemasaran. [6]

Tiga langkah terawal dalam proses pemasaran ialah :
i) Menilai peluang-peluang pemasaran[1m]
- Pemasar membuat kajian pasaran dan mengenal pasti keseluruhan pasaran serta peluang-peluang pasaran.[1m]
- Pemasar akan mengenal pasti produk dan potensi pasaran terhadap produk.[1m]

ii) Memilih sasaran pasaran[1m]
- Pemasar memfokuskan kepada aktiviti segmentasi pasaran, penyasaran sasaran dan peletakan pasaran.
- Pemasar akan membahagikan pasaran kepada segmen pasaran.

iii) Membina campuran pemasaran[1m]
- Pemasar merancang dan membentuk strategi pemasaran yang sesuai dengan produk dan segmen pasaran yang dipilih.[1m]
- Pemasar membentuk campuran pemasaran yang terdiri daripada produk, pengedaran, penentuan harga dan promosi bagi segmen pasaran tertentu.[1m]

3 langkah pertama wajib mengikut susunan tertib (3F + 3H = 6m)

6. Huraikan **dua** aspek faktor psikologi yang mempengaruhi keputusan pembelian pengguna [4]

Dua aspek faktor psikologi yang mempengaruhi keputusan pembelian pengguna ialah :

i) Motivasi[1m]
- Merupakan pendorong yang mendesak individu untuk memenuhi keperluan dan kehendaknya yang pelbagai.[1m]

ii) Persepsi [1m]
- Setiap pengguna mempunyai persepsi yang berlainan tentang produk yang ditawarkan di pasaran dari segi harga, kualiti, reka bentuk, warna dan jenama.[1m]

iii) Personaliti/konsep kendiri[1m]
- Merupakan sifat-sifat individu yang unik dan konsisten serta dikaitkan dengan sifat peribadi seseorang.[1m]
- Personaliti yang berbeza akan mempengaruhi gelagat pengguna dalm membuat keputusan pembelian.[1m]

iv) Pembelajaran/pengalaman[1m]
- Merujuk kepada pengalaman dan pemerhatian lepas yang mempengaruhi perlakuan atau gelagat pengguna.[1m]

v) Sikap[1m]
- Merupakan penilaian dan tindakbalas yang konsisten terhadap sesuatu produk atau idea oleh seseorang yang seterusnya akan menentukan sama ada dia suka atau tidak terhadap produk tersebut.[1m]

Mana-mana 2F pertama (2F + 2H = 4m)

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar